A

LEE BENG KIAT

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
RAMLY ALI HMR
AZHAR MA'AH HMR
ZAHARAH IBRAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: A-05-409-2010]

C

19 JUN 2012

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Sabitan dan hukuman - Rayuan terhadap - Sama ada pembelaan perayu penafian semata-mata - Sama*

D

ada perayu saksi yang bercakap benar - Sama ada hakim telah mengambil kira keterangan sepenuhnya - Sama ada hakim silap apabila memutuskan pendakwaan membuktikan pertuduhan tanpa keraguan munasabah terhadap perayu

E

Perayu telah dipertuduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan mengedar dadah berbahaya 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine (MDMA), satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Perayu didapati bersalah atas pertuduhan terhadapnya, telah disabitkan dan dijatuhi hukuman

F

mati. Perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Keterangan yang dikemukakan dalam kes pendakwaan adalah, pada malam 9 Mac 2004, bertindak atas maklumat bahawa akan berlaku aktiviti pengedaran dadah jenis ecstasy di kawasan letak kereta Jaya Jusco ('tempat kejadian'),

G

SP6 dan pasukannya telah menyerbu sebuah kereta jenis Proton PDV 2885. SP6 melihat pemandu kereta PDV 2885 itu, iaitu perayu, enggan keluar dari kereta walaupun diarahkan berbuat demikian, dan terus membongkok dan menolak sesuatu dengan tangannya ke bawah tempat duduknya. Seterusnya, perayu ditarik

H

keluar dan ditangkap. Satu beg plastik putih yang mengandungi tiga bungkusan kuning yang ditemui di bawah tempat duduk pemandu kereta itu dibawa ke Jabatan Narkotik. Bungkusan-bungkusan itu masing-masing didapati mengandungi pil-pil berwarna merah jambu dan bertanda 'MU' ('barang kes'). Pil-pil itu didapati

I

mengandungi MDMA. Perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa kereta PDV 2885 itu merupakan kereta kepunyaan teman

wanitanya, SP11. Perayu telah meminjam kereta SP11 untuk pergi berjumpa dengan SP9 di tempat kejadian itu. Sambil melihat SP9 berjalan menghampirinya, menurut perayu, beliau diserbu, ditarik keluar dari kereta, dipukul, ditendang dan ditumbuk. Perayu juga mengatakan bahawa beliau tidak meletakkan barang kes di dalam kereta itu dan tidak tahu pun barang kes itu ada di dalam kereta itu. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada pembelaan perayu suatu penafian semata-mata dan (ii) sama ada perayu saksi yang tidak bercakap benar.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu; mengenepikan sabitan dan hukuman)
Oleh Zaharah Ibrahim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tanpa keterangan SP6 bahawa perayu membongkok dan menolak sesuatu dengan tangannya ke bawah tempat duduk pemandu kereta PDV 2885 itu, tidak ada apa-apa dalam keterangan pendakwaan yang dapat mengaitkan perayu dengan barang kes tersebut. Keterangan pendakwaan sendiri menunjukkan kereta itu bukan kereta perayu. SP6 seorang saja jugalah yang mengatakan bahawa perayu enggan keluar dari kereta apabila diarahkan berbuat demikian sehinggalah perayu ditarik keluar dari kereta. Tetapi, SP5 (yang memberi keterangan bahawa dia telah menyerbu dari sebelah kiri kereta dan menangkap SP9 dari tempat duduk penumpang hadapan) tidak memberitahu peristiwa itu dalam keterangannya. Jika keseluruhan keterangan dari awal hingga ke akhir perbicaraan diteliti dengan cermat, akan jelas bahawa keterangan perayu bukanlah penafian semata-mata. (perenggan 30-31, 34-35, 36 & 40)

(2) Nota keterangan tidak mengandungi apa-apa catatan tentang "demeanour" perayu semasa dia memberikan keterangan. Perayu menunjukkan bahawa keterangan perayu konsisten sepanjang beliau memberi keterangan. Nota itu tidak menampakkan apa-apa juga yang mewajarkan mahkamah membuat kesimpulan bahawa perayu merupakan saksi yang tidak bercakap benar. (perenggan 44 & 45)

(3) Memang benar SP3 mengatakan beliau dan dua orang lagi kawannya yang turut ke Ipoh dari Butterworth bersama perayu pada hari kejadian tidak membawa barang kes bersama mereka.

A Walaubagaimanapun, hakim tidak mengambilkira bahawa SP11 juga mengatakan bahawa perayu juga tidak membawa barang itu. Hakim yang bijaksana silap kerana tidak mengambil kira keterangan penuh SP11. Keterangan itu sebenarnya menyokong keterangan perayu bahawa beliau tidak tahu
B tentang barang kes di dalam kereta PDV 2885 itu dan bukan dia yang meletakkan barang itu di situ. (perenggan 50)

(4) Hakim bicara berpendapat bahawa tidak mungkin perayu dipukul di tempat kejadian kerana itu "tempat awam". Tetapi
C SP9, semasa disoalbalas, mengatakan bahawa selepas ditangkap di Jaya Jusco, matanya ditutup dengan bahan berwarna gelap. SP9 tidak diperiksa semula oleh Timbalan Pendakwa Raya. Maka, apa yang tersirat ialah pihak pendakwaan tidak menafikan bahawa SP9 memang dipukul selepas ditangkap. Jika
D demikian, cerita perayu bahawa dia dipukul selepas ditangkap adalah munasabah. (perenggan 55 & 57)

(5) Hakim bicara silap apabila beliau mengatakan bahawa "demeanour" perayu semasa memberikan keterangan "adalah
E meragukan" dan bahawa perayu bukan saksi yang bercakap benar. Hakim bicara telah menolak keseluruhan keterangan perayu kerana berpendapat ada antara keterangan itu tidak disokong. Pertamanya, terdapat perbezaan besar antara keterangan yang tidak disokong dengan keterangan yang tidak
F benar. Keduanya, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh hakim adalah sebenarnya sama ada tidak terbukti tidak benar atau sebetulnya memang disokong oleh keterangan saksi pendakwaan. Hakim telah silap apabila memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan pertuduhan tanpa keraguan
G yang munasabah terhadap perayu. (perenggan 59, 62-64 & 66-67)

***English** Translation Of Headnotes*

The appellant was charged and tried in the High Court for
H trafficking in dangerous drugs 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine (MDMA), an offence under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The appellant was found guilty of the charge against him and was convicted and sentenced to death. The appellant appealed to the Court of Appeal against the said
I conviction and sentence. Evidence adduced by the prosecution was that SP6 and his team, on the night of 9 March 2004, acting

on information that a drug trafficking activity was going to take place at the Jaya Jusco parking lot ('place of incident'), had ambushed a Proton car PDV 2885. SP6 stated that the driver of the car PDV 2885, which was the appellant, refused to come out of the car although instructed to do so, and had proceeded to bend down and push something underneath his seat with his hand. Subsequently, the appellant was pulled out of the car and was detained. One white plastic bag containing three yellow packages were found underneath the driver's seat of the car and brought to the Narcotics Department. The packages were each found to contain pink pills marked 'MU' ('substances'). The pills were found to contain MDMA. The appellant in his evidence stated that the car PDV 2885 was owned by his girlfriend, SP11. The appellant had borrowed SP11's car to meet with SP9 at the place of incident. While SP9 was seen walking towards the appellant, according to the appellant he was ambushed, pulled out of the car, and was hit, kicked and punched. The appellant also submitted that he had not placed the substances in the car and did not know that the substances were even in the car. The issues that arose were (i) whether the appellant's defence was a mere denial and (ii) whether the appellant was a truthful and honest witness.

Held (allowing appellant's appeal; setting aside conviction and sentence)

Per Zaharah Ibrahim JCA delivering the judgment of the court:

(1) Without the evidence of SP6 that the appellant had bent down and pushed something underneath the driver's seat of PDV 2885 with his hand, there was nothing in the prosecution's evidence that could link the appellant with the substances. The prosecution's evidence itself showed that the car did not belong to the appellant. SP6 alone had stated that the appellant refused to come out of the car when instructed to do so until the appellant was pulled out of the car. However, SP5 (who gave evidence that he had ambushed the car from the left side and caught SP9 from the front passenger seat) did not state that in his evidence. If the overall evidence from the beginning to the conclusion of the trial was carefully scrutinised, it would be obvious that the appellant's evidence was not mere denial.

(2) The notes of evidence did not contain any notes on the demeanour of the appellant when he gave evidence. The appellant's evidence was consistent throughout the time he gave evidence. The notes also did not reveal anything that justified the court to make the conclusion that the appellant was a dishonest witness.

(3) SP11 had stated that she and two other friends had gone to Ipoh from Butterworth with the appellant and they did not have the substances with them on the day of the incident. However, the judge had not taken into account that SP11 had also stated that the appellant also did not bring the substances. The learned judge was incorrect when he did not take into consideration SP11's full evidence. The said evidence supported the appellant's evidence that he was not aware of the substances in the car PDV 2885 and it was not him that placed the substances there.

(4) The trial judge was of the view that the appellant could not have been assaulted at the place of incident because it was a public place. However, SP9, when cross-examined, stated that after he was caught in Jaya Jusco, his eyes were closed with a dark material. SP9 was not re-examined by the Deputy Public Prosecutor. So, what was implied was that the prosecution did not deny that SP9 had been beaten up after he was caught. If so, the appellant's evidence that he had been beaten up after he was caught was reasonable.

(5) The trial judge was incorrect when he stated that the appellant's demeanour when giving evidence was suspicious and that the appellant was not a truthful witness. The trial judge dismissed the appellant's evidence because he was of the view that there was evidence that was not supported. Firstly, there was a huge difference between unsupported evidence and untrue evidence. Secondly, the issues raised by the judge was either not proven untrue or had been supported by the prosecution's evidence. The judge was wrong when he held that the prosecution had proved the charge beyond reasonable doubt against the appellant.

Kes-kes yang dirujuk:
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 182A
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)
Poisons Act 1952, s. 9(1)

Bagi pihak PP - Siti Rafidah Zainuddin; TPR
Bagi pihak pembelaan - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Ipoh; Perbicaraan Jenayah No: 45-25-2004]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zaharah Ibrahim HMR:

Latar Belakang Kes

[1] Perayu telah dipertuduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh bagi pertuduhan ("pertuduhan") yang berikut:

> Bahawa kamu pada 9 Mac 2004 lebih kurang jam 9.40 malam di tempat letak kereta Pusat Membeli Belah Jaya Jusco, Ipoh Garden East, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 3, 4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) seberat 689.7g dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

[2] Pada penutup kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana telah meminda pertuduhan terhadap perayu kepada suatu pertuduhan di bawah sub-s. 9(1) Akta Racun 1952. Perayu telah mengaku bersalah dan disabitkan atas pertuduhan itu dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama setahun dari tarikh tangkap.

[3] Pendakwa raya telah merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan itu.

[4] Pada 25 Mei 2010, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pendakwa raya itu dan mengetepikan perintah dan hukuman itu serta memerintahkan supaya perayu dipanggil membela diri terhadap pertuduhan (pertuduhan asal), iaitu bagi kesalahan di bawah perenggan 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[5] Kes pembelaan telah didengar pada 15 Oktober 2010. Perayu telah memilih untuk memberikan keterangan dengan berikrar ("on affirmation") dan merupakan satu-satunya saksi pembelaan.

[6] Pada 29 Oktober 2010, Mahkamah Tinggi telah memberikan keputusannya pada penutup keseluruhan kes. Perayu telah didapati bersalah atas pertuduhan terhadapnya, telah disabitkan atas pertuduhan itu dan telah dijatuhi hukuman mati.

[7] Perayu sekarang merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman itu.

Beban Pembuktian Pada Penutup Keseluruhan Kes

[8] Beban pembuktian kekal pada pendakwaan sehinggalah penutup keseluruhan kes. ini jelas daripada sub-s. 182A Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> 182A. (1) At the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> [182A. (1) Pada akhir perbicaraan, mahkamah hendaklah menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan hendaklah memutuskan sama ada pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.]

[9] Oleh yang demikian, apa yang perlu dilakukan oleh mahkamah pada penutup keseluruhan kes ialah meneliti semula kesemua keterangan dari awal kes sehinggalah akhir kes.

Keterangan Yang Dikemukakan

Keterangan Saksi-saksi Pendakwaan

[10] Keterangan yang dikemukakan dalam kes pendakwaan ialah bahawa pada malam 9 Mac 2004, bertindak atas maklumat bahawa akan berlaku aktiviti pengedaran dadah jenis ecstasy di kawasan letak kereta berhadapan McDonald's Jaya Jusco, Ipoh ("Tempat Kejadian") oleh dua-tiga lelaki Cina yang menggunakan dua kereta Proton Wira, iaitu satu berwarna putih dengan nombor PDV 2885 dan satu lagi berwarna kelabu dengan nombor JGS 3789, sepasukan polis yang diketuai oleh SP6 telah pergi ke tempat kejadian.

[11] Pada kira-kira jam 9.30 malam, SP6 nampak kereta PDV 2885 berhenti di tepi jalan bersetentangan dengan restoran KFC dan McDonald's di tempat kejadian. Kereta itu dipandu oleh seorang lelaki Cina. SP6 juga nampak kereta JGS 3789 yang dinaiki oleh dua orang lelaki Cina masuk ke salah satu lot tempat letak kereta yang berhampiran.

[12] Pemandu dan penumpang kereta JGS 3789 itu telah keluar dari kereta dan berjalan ke arah kereta PDV 2885. Pemandu kereta JGS 3789 telah masuk dan duduk sebagai penumpang hadapan kereta PDV 2885 sementara penumpang kereta JGS 3789 masuk dan duduk di bahagian penumpang belakang kereta PDV 2885 itu.

[13] SP6 tidak nampak kedua-dua mereka yang keluar dari kereta JGS 3789 itu membawa apa-apa barang.

[14] SP6 dan pasukan serbuannya telah menyerbu kereta PDV 2885 itu.

[15] Menurut keterangan SP6 ketika dia sampai di kereta PDV 2885 itu dan memperkenalkan dirinya sebagai polis, dia melihat pemandu kereta PDV 2885 itu membongkok dan menolak sesuatu dengan tangannya ke bawah tempat duduknya. Pemandu itu tidak keluar walaupun diarahkan berbuat demikian dan terus membongkok dan menolak sesuatu ke bawah tempat duduk. Dia telah ditarik keluar dan ditangkap. Pemandu kereta PDV 2885 itu ialah perayu.

[16] Dua lelaki Cina yang lain itu telah juga ditangkap. Mereka memberikan keterangan sebagai saksi bagi pihak pendakwaan. Tan Yew Joo (SP8) ialah pemandu kereta JGS 3789 dan Loh Choong Loong (SP9) ialah penumpang kereta JGS 3789 itu.

[17] Selepas ketiga-tiga mereka itu ditangkap, SP6 telah memeriksa kereta PDV 2885 dan menjumpai satu beg plastik putih yang berlipat di bawah tempat duduk pemandu kereta itu. Di dalamnya terdapat tiga bungkusan kuning. SP6 tidak membukanya di tempat kejadian tetapi dapat merasa bahawa setiap bungkusan itu mengandungi ketulan kecil.

[18] Barang yang ditemui di bawah tempat duduk pemandu kereta PDV 2885 itu telah dibawa balik ke Jabatan Narkotik di IPPK Perak dan dibuka di situ. Bungkusan-bungkusan itu masing-masing didapati mengandungi 1,990, 2,100 dan 1,000 pil berwarna merah jambu dan bertanda 'MU' ("barang kes").

[19] Pil-pil itu kemudiannya telah dianalisis oleh ahli kimia dan didapati mengandungi MDMA yang jumlah beratnya adalah seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Keterangan Perayu

[20] Perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa kereta PDV 2885 itu merupakan kereta kepunyaan teman wanitanya, iaitu SP11. Dia dan SP11 bersama dua orang lagi kawan mereka telah pergi ke Ipoh dari Butterworth pada hari kejadian.

[21] Dari Butterworth ke Ipoh kereta dipandu oleh SP11 sementara perayu duduk di tempat duduk hadapan di sebelah pemandu.

[22] Di Ipoh, mereka berempat pergi ke sebuah hotel. Hanya satu bilik hotel disewa untuk kesemua mereka.

[23] Menurut perayu, dia telah menerima panggilan telefon daripada SP9 yang juga berasal dari Butterworth yang bertanya di mana dia berada. Apabila dia memberitahu SP9 dia berada di Ipoh, SP9 menyuruhnya pergi ke Jaya Jusco untuk bertemu dengan SP9. Kebetulan dia memang hendak keluar membeli rokok.

[24] Perayu telah meminjam kereta SP11 dan pergi ke Jaya Jusco Ipoh. Menurut perayu, kunci kereta diambil daripada penjaga kereta di hotel atas suruhan SP11.

[25] Perayu mengatakan dia memberitahu SP9 kereta apa yang akan digunakan olehnya. Di Jaya Jusco, dia berhenti dan nampak SP9 berjalan menghampirinya. Ketika itu mereka diserbu dan dia ditarik keluar dari kereta. Dia dipukul, ditendang dan ditumbuk dan matanya ditutup. Tutup matanya hanya dibuka di balai polis.

[26] Menurut perayu dia tidak ada membongkok dan menolak apa-apa dengan tangan ke bawah tempat duduk kereta.

[27] Perayu juga mengatakan bahawa dia tidak meletakkan barang kes di dalam kereta itu dan tidak tahu pun barang kes itu ada di dalam kereta itu. Dia menafikan dia ditarik keluar kerana enggan keluar.

Analisis Kes

[28] Hakim bicara yang bijaksana memutuskan bahawa pembelaan perayu merupakan penafian semata-mata.

[29] Selain itu, hakim bicara yang bijaksana telah menyatakan beberapa perkara yang disimpulkannya tidak menyokong keterangan perayu. Perkara-perkara itu ialah:

(a) SP11 mengesahkan bahawa dia (SP11) dan dua orang kawannya tidak membawa barang kes;

(b) pegawai penyiasat dan SP11 tidak diperiksa balas tentang kunci kereta dipegang oleh penjaga kereta hotel;

(c) keterangan perayu bahawa dia, SP11 dan dua lagi kawan SP11 datang ke Ipoh untuk berkaraoke tidak disahkan oleh SP11;

(d) tidak mungkin SP6 dan anggota-anggotanya memukul dan menendang perayu di "tempat awam yang mengerumuni mereka selepas tertuduh ditangkap".

Adakah Pembelaan Perayu Suatu Penafian Semata-mata?

[30] Perlu diperhatikan bahawa tanpa keterangan SP6 bahawa perayu membongkok dan menolak sesuatu dengan tangannya ke bawah tempat duduk pemandu kereta PDV 2885 itu, tidak ada apa-apa dalam keterangan pendakwaan yang akan dapat mengaitkan perayu dengan barang kes yang ditemui di bawah tempat duduk itu.

[31] Ini kerana keterangan pendakwaan sendiri menunjukkan kereta itu bukan kereta perayu. Perayu dijemput oleh SP11 dengan kereta itu di Butterworth dan perayu tidak memandu kereta itu dari Butterworth ke Ipoh. Dia hanya meminjam kereta itu pada jam 9 malam pada hari kejadian selepas dia, SP11 dan dua lagi kawan SP11 tiba di Ipoh dan masuk ke hotel.

[32] Perayu secara konsisten menyatakan dia tidak tahu tentang barang kes itu dan tidak pernah melihat barang kes itu dan, yang penting, menafikan membongkok dan menolak beg yang mengandungi barang kes itu ke bawah tempat duduk pemandu kereta PDV 2885.

[33] Maka, hakim bicara yang bijaksana sepatutnya meneliti semula keterangan SP6, bersama semua keterangan yang lain, termasuk keterangan perayu sendiri.

[34] Kami dapati bahawa keterangan tentang perayu membongkok dan menolak sesuatu ke bawah tempat duduk pemandu datang hanya daripada SP6 semata-mata. SP6 seorang saja jugalah yang mengatakan bahawa perayu enggan keluar dari kereta apabila

diarahkan berbuat demikian dan terus membongkok dan menolak sesuatu ke bawah tempat duduk kereta, sehinggalah perayu ditarik keluar dari kereta.

[35] SP5 (yang memberi keterangan bahawa dia-lah yang menyerbu dari sebelah kiri kereta dan menangkap SP9 dari tempat duduk penumpang hadapan) telah hanya mengatakan bahawa:

> Sementara pemandu kereta satu saya lihat ASP Hamdan telah menahannya.

[36] Seandainya SP6 (ASP Hamdan) perlu mengarahkan perayu keluar dan tidak diendahkan oleh perayu sehingga perayu terpaksa ditarik keluar, sudah tentu itu suatu peristiwa yang akan diberitahu oleh SP5 dalam keterangannya. Hakikat bahawa SP5 tidak berbuat demikian menyokong keterangan perayu bahawa dia tidak membongkok untuk menolak sesuatu ke bawah tempat duduk pemandu.

[37] SP6 telah disoal balas tentang laporan polis yang dibuat olehnya tentang serbuan, tangkapan dan rampasan pada malam kejadian. Soalan dan jawapan yang berkenaan adalah seperti yang berikut:

> Q : Sila baca report ini encik ada nyatakan tertuduh ada tolak ke dalam sesuatu di bawah seat?
>
> A : Tiada
>
> Q : Saya kata ia rekaan encik?
>
> A : Tidak. Report adalah fakta ringkas. Sebenarnya saya nampak tertuduh tolak sesuatu.

[38] Kami telah meneliti laporan polis SP6, iaitu P23. Laporan itu tidaklah seringkas yang cuba digambarkan olehnya.

[39] Dalam P23, ada dinyatakan seperti yang berikut:

> Kedua-dua pemandu dan penumpang kereta JGS 3789 terus masuk ke dalam kereta PDV 2885. Melihatkan keadaan itu saya bersama anggota terus menyerbu kereta tersebut dan berjaya menahan pemandu dan penumpang (hadapan kiri) di dalam kereta sementara penumpang di bahagian belakang kereta cuba melarikan diri dan berjaya di tangkap. Semasa tangkapan di buat telah berlaku pergelutan. Pemeriksaan yang di buat ke atas kereta tersebut saya telah menjumpai dari bahagian bawah tempat duduk pemandu kereta satu beg plastic putih ... *[sic]*

[40] Jika SP6 boleh menceritakan bahawa penumpang di bahagian belakang cuba melarikan diri dan berlaku pergelutan (dua perkara yang tidak dinyatakan dalam keterangannya sendiri ataupun keterangan SF5 atau SP7) sudah tentu peristiwa perayu enggan keluar dan perlu ditarik keluar kerana terus membongkok untuk menolak sesuatu ke bawah tempat duduk kereta akan dinyatakan juga dalam P23. Hakikat bahawa itu tidak dilakukan sebenarnya menyokong keterangan perayu bahawa peristiwa itu tidak berlaku.

Kesimpulan

[41] Pada hemat kami, jika keseluruhan keterangan dari awal hingga ke akhir perbicaraan diteliti dengan cermat, akan jelas bahawa keterangan perayu bukanlah penafian semata-mata seperti yang diputuskan oleh hakim bicara yang bijaksana.

Adakah Perayu Saksi Yang Tidak Bercakap Benar?

[42] Dalam alasan penghakimannya, hakim bicara yang bijaksana menyatakan bahawa "demeanour" perayu semasa memberi keterangan "adalah meragukan" dan dia bukan saksi yang bercakap benar. Penghakiman Thomson CJ dalam kes *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41 di ms 107 dirujuk sebagai autoriti.

[43] Kami tidak pasti apakah alasan hakim yang bijaksana membuat kesimpulan sedemikian kerana tiada penjelasan/alasan dinyatakan dalam penghakiman beliau.

[44] Nota keterangan tidak mengandungi apa-apa catatan tentang "demeanour" perayu semasa dia memberikan keterangan. Nota bagi keterangan perayu menunjukkan bahawa keterangan perayu konsisten sepanjang dia memberikan keterangan. Nota itu tidak menampakkan apa-apa juga yang mewajarkan mahkamah membuat kesimpulan bahawa perayu merupakan saksi yang tidak bercakap benar.

[45] Oleh sebab tiada apa-apa penjelasan/alasan bagi kesimpulan yang dibuat oleh hakim yang bijaksana itu, maka kami mengandaikan bahawa kesimpulan itu dibuat kerana ada beberapa perkara dalam keterangan perayu yang dikatakan oleh hakim bicara yang bijaksana itu tidak disokong oleh keterangan saksi pendakwaan.

[46] Oleh itu, kami telah meneliti perkara-perkara itu.

Siapakah Yang Meletakkan Barang Kes Di Dalam PDV 2885?

[47] Memang benar seperti yang dikatakan oleh hakim bicara yang bijaksana bahawa SP11 mengatakan dia dan dua orang lagi kawannya yang turut ke Ipoh dari Butterworth bersama perayu pada hari kejadian tidak membawa barang kes bersama mereka.

[48] Walau bagaimanapun, hakim yang bijaksana tidak mengambil kira bahawa SP11 juga mengatakan bahawa perayu juga tidak membawa barang itu. Kenyataan SP11 dalam pemeriksaan utama ialah bahawa:

> Dari Butterworth ke Ipoh, saya tidak membawa apa-apa barang. **Tertuduh** dan beberapa orang kawan saya tidak membawa apa- apa barang dari Butterworth ke Ipoh. Saya juga tidak simpan apa-apa barang dalam kereta saya. (tekanan ditambah)

[49] Seterusnya, SP11 telah mengatakan bahawa:

> Tertuduh keluar membeli barang dengan meminjam kereta saya. Tertuduh ingin membeli rokok. Semasa tertuduh keluar saya tidak nampak tertuduh mengambil apa-apa barang.

[50] Pada hemat kami yang bijaksana silap kerana tidak mengambil kira keterangan penuh SP11. Keterangan itu sebenarnya menyokong keterangan perayu bahawa dia tidak tahu tentang barang kes di dalam kereta PDV 2885 itu dan bukan dia yang meletakkan barang itu di situ.

Kunci Kereta

[51] Hakim bicara yang bijaksana mengatakan bahawa keterangan perayu bahawa dia mengambil kunci kereta daripada penjaga kereta di hotel tidak disokong kerana pegawai penyiasat dan SP11 tidak disoal balas tentang hal itu.

[52] Pada hemat kami, apa yang lebih penting ialah bahawa keterangan perayu yang mengatakan bahawa kunci kereta itu diambilnya daripada penjaga kereta hotel langsung tidak dicabar oleh pendakwaan, malah perayu tidak diperiksa balas sama sekali tentang perkara itu. Maka, kami tidak nampak bagaimana perayu memerlukan sokongan bagi keterangan itu.

Cerita Tentang Karaoke

[53] Hakim bicara yang bijaksana melihat cerita tentang karaoke sebagai suatu fakta yang material. Pada hemat kami hakim bicara yang bijaksana telah tidak menilai keterangan perayu dengan wajar. Cerita tentang karaoke hanya timbul dua kali dalam keterangan perayu, seperti yang berikut:

Pemeriksaan utama:

Q : Pada 9 Mac 2004 sebelah pagi kamu berada di mana?

A : Di rumah

Q : Apa berlaku pada pagi itu?

A : Semasa berada di rumah SP11 teman wanita saya datang berjumpa saya bersama dua orang kawannya lelaki Cina

Q : Apa berlaku pada masa itu selepas mereka datang?

A : Mereka datang untuk berbincang dengan saya supaya pergi ke Ipoh makan angin termasuk nyanyi karaoke

Pemeriksaan balas:

Q : Tujuan kamu, Helen dan dua orang lagi untuk bersiar-siar dan berkaraoke, kenapa tidak bawa mereka?

A : Saya diberitahu mereka bahawa mereka hendak rehat sekejap kerana letih. Bila saya pulang baru mereka nak keluar bersiar-siar.

[54] Jelas bahawa karaoke bukan perkara yang material. Mereka ke Ipoh untuk makan angin "termasuk nyanyi karaoke". Cerita bahawa mereka ke Ipoh untuk berjalan-jalan memang disahkan oleh SP11 yang mengatakan bahawa "tujuan ke Ipoh untuk berjalan dan mengunjungi bandaraya Ipoh".

Cerita Perayu Dipukul

[55] Hakim bicara yang bijaksana berpendapat bahawa tidak mungkin perayu dipukul di tempat kejadian kerana itu "tempat awam yang mengerumuni mereka selepas tertuduh ditangkap". Kami percaya yang dimaksudkan oleh hakim yang bijaksana itu ialah orang ramai telah mengerumuni tempat kejadian ketika perayu dan SF8 serta SP9 ditangkap.

[56] Semasa SP9 disoal balas, dia mengatakan bahawa selepas ditangkap di Jaya Jusco, matanya ditutup dengan bahan berwarna gelap. Seterusnya SP9 memberikan keterangan:

Q : Selepas ditangkap di Jaya Jusco Ipoh adakah encik dipukul oleh polis?

A : Ada

Q : Polis pukul semasa mata ditutup?

A : Ya

Q : Di Balai Polis mata encik ditutup, encik masih dipukul di balai?

A : Ya dalam masa satu jam itu. Pada masa dipukul mata saya masih ditutup.

[57] Apa yang kami dapati menarik ialah SP9 tidak diperiksa semula oleh Timbalan Pendakwa Raya. Maka, apa yang tersirat ialah pihak pendakwaan tidak menafikan bahawa SP9 memang dipukul selepas dia ditangkap di Jaya Jusco.

[58] Jika demikian, apakah yang tidak munasabah dalam cerita perayu bahawa dia dipukul selepas ditangkap?

Kesimpulan

[59] Setelah membuat penelitian seperti yang tersebut di atas, kami berpuas hati bahawa hakim bicara yang bijaksana silap apabila beliau mengatakan bahawa "demeanour" perayu semasa memberikan keterangan "adakah meragukan" dan bahawa perayu bukan saksi yang bercakap benar.

[60] Kami perhatikan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah menggunakan petikan yang berikut daripada penghakiman Thomson CJ dalam kes *Koon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1961] MLJ 105, di ms 107, sebagai autoriti apabila beliau membuat kesimpulan yang tersebut di atas tentang perayu:

> If a witness tells lies on one or two points, then it is clear he is **not a reliable** witness and as a matter of **prudence** the rest of his evidence must be scrutinised with great care and indeed with **suspicion**. (tekanan ditambah)

[61] Perlu kami tekankan bahawa Thomson CJ tidak mengatakan bahawa keseluruhan keterangan saksi itu patut ditolak. Sebenarnya Thomson CJ telah seterusnya menyatakan bahawa:

> To say, however, that because a witness has been proved a liar on one or two points then the whole of his evidence "must in law be rejected" is to go too far and is wrong.

[62] Nampaknya hakim bicara yang bijaksana telah menolak keseluruhan keterangan perayu kerana berpendapat ada antara keterangan itu tidak disokong.

[63] Pertama-tamanya, terdapat perbezaan besar antara keterangan yang tidak disokong dengan keterangan yang tidak benar.

[64] Keduanya, seperti yang dihuraikan di atas, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh hakim yang bijaksana adalah sebenarnya sama ada tidak terbukti tidak benar atau sebetulnya memang disokong oleh keterangan saksi pendakwaan.

[65] Oleh yang demikian, kami sebulat suara berpendapat bahawa hakim yang bijaksana telah silap apabila menggunakan hanya alasan-alasan yang sudah kami bincangkan di atas untuk menolak seluruh keterangan perayu.

Keputusan

[66] Berdasarkan pertimbangan yang kami huraikan di atas, kami sebulat suara memutuskan bahawa hakim yang bijaksana telah silap apabila memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan pertuduhan tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu dan apabila beliau mensabitkan perayu atas pertuduhan itu dan menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu.

[67] Oleh yang demikian, kami telah membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan sabitannya dan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.